



15 JAN, 2025

THT tekad pertahan rekod kemenangan

Utusan Malaysia, Malaysia



THT tekad pertahan rekod kemenangan

Oleh **FADHILUL IZMEL ISHAK**
izmel.ishak@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Pasukan Hoki Terengganu (THT) enggan mengambil mudah terhadap cabaran yang bakal diterima oleh Armed Forces HT apabila kedua-dua pasukan itu bertemu dalam aksi Liga Hoki Malaysia (LHM) di Stadium Hoki Batu Buruk, hari ini.

Atas kertas, THT pasukan pilihan bagi aksi tersebut apabila mengutip 12 mata maksimum daripada empat perlawanan bagaimanapun pengendalinya, Mohd Harfizi Baharom tetap menghormati lawan.

Katanya, cabaran Armed Forces HT tidak boleh diperkecilkan memandangkan skuad kendalian Mohd Yazid Yahya itu melakukan persiapan rapi menghadapi saingan musim ini dengan membawa masuk beberapa bekas pemain negara.

“Namun, fokus kami adalah setiap perlawanan kami perlu mendapatkan tiga mata kemenangan. Kami cuba mengekalkan rekod kemenangan buat kali kelima berturut-turut.

“Hanya dengan kemenangan



PEMAIN Pasuan Hoki Terengganu (THT) Tengku Ahmad Tajuddin (kiri) cuba melepasi halangan pemain UiTM HA-KPT dalam aksi Liga Hoki Malaysia 2025 di Kuala Terengganu minggu lalu. THT menang 3-1.
- UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

kami dapat menggembirakan penyokong tambahan pula kami beraksi di laman sendiri,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

THT memulakan saingan LHM dengan bergaya apabila menjuarai Piala Sumbangsih pada aksi pertama selepas menewaskan Tenaga Nasional Ber-

had (TNB) 2-1 pada 4 Januari lalu.

Skuad kendalian Harfizi itu mengekalkan rekod kemenangan mereka apabila menewaskan Maybank 2-1 pada 6 Januari kemudian menundukkan UiTM HA-KPT 3-1 (10 Januari) sebelum membelasah TNB Thunderbolts 6-1, Ahad lalu.